

Headline	Pelajar kerja premis judi		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	24 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	22,187	Readership	66,561
Section	News	Page No	27
ArticleSize	361 cm ²	Journalist	Ibrahim Isa
PR Value	RM 31,914		



DZULKHAIRI (tengah) menunjukkan barang rampasan Ops Dadu.

Pelajar kerja premis judi

Warga Nigeria antara 13 individu ditahan dalam Op Dadu

Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pelajar kolej swasta warga Nigeria antara 13 individu ditahan dalam serbuan di 16 premis menerusi Ops Dadu bermula 19 Jun hingga semalam.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisyoner Dzulkhairi Mukhtar berkata, serbuan dilakukan hasil intipan serta maklumat orang ramai.

Katanya, dalam serbuan di

sekitar Iskandar Puteri pihaknya menahan seorang pekerja premis warga Nigeria.

“Lelaki itu mengaku pekerja sambilan dan datang ke Malaysia menggunakan pas pelajar. Kami menyiasat sama ada dia penuntut di kolej swasta yang dimaksudkan atau sebaliknya.

“Kami turut menahan dua warga asing lain masing-masing dari Indonesia dan Bangladesh yang bekerja di premis perjudian haram itu.

“Pelbagai peralatan termasuk telefon bimbit, wang tunai dan pencetak resit yang digunakan untuk ak-

tiviti perjudian turut dirampas,” katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Iskandar Puteri di sini, semalam.

Menurutnya, bermula Januari lalu hingga semalam, pihaknya memeriksa 2,979 premis dan 121 dikenal pasti terbabit aktiviti perjudian atas talian dan catitan nombor haram.

Katanya, pihaknya menahan 275 individu, merampas pelbagai peralatan perjudian dan wang tunai RM128,417 dan SD 7,030.

“Pada masa sama, kami menahan 275 individu berusia 19 hingga 65 tahun bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 4A (a) Akta

Rumah Judi Terbuka 1953 (judi loteri awam haram), Seksyen 4B (a) akta sama (judi online/telefon bimbit), Seksyen 7 (2) akta sama (judi tempat bebas), Seksyen 6 (1) akta sama (judi dalam bangunan), Seksyen 6(3) Akta Pertaruhan 1953 (judi catit taruh haram) dan Seksyen 6(1) (c) Akta Imigrasi.

“Bagi memastikan premis tidak lagi beroperasi, kami bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan SAJ Ranhill Sdn Bhd (SAJ) untuk memotong bekalan elektrik 52 premis perjudian itu.